

23 APR 1999

ZAINAL-CLOB

PENYELESAIAN CLOB MESTI STABILKAN PASARAN MALAYSIA & SINGAPURA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 23 April (Bernama) -- Penyelesaian isu Central Limit Order Book (CLOB) mestilah menstabilkan pasaran saham Malaysia dan Singapura, dan tidak menyebabkan kemudahruapan kedua-dua bursa itu, kata Timbalan Ketua Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Dr Zainal Aznam Yusof.

Ia akan "mengambil masa yang agak lama" untuk mengadakan butiran yang memuaskan hati kedua-dua negara kerana ia mungkin melibatkan isu-isu perundangan, katanya.

Dr Zainal yang juga anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata: "Apa yang penting adalah sebarang perubahan harus membantu menstabilkan pasaran saham kedua-dua pihak.

"Jadi perubahan sementara tidak boleh dibuat, itulah pandangan peribadi saya, yang boleh mengakibatkan kemudahtuapan," katanya ketika menjawab soalan yang ditimbulkan di sebuah forum bertema "Pemulihan Asia dan Perubahan Kewangan" di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan MTEN sedang mengkaji bagaimana untuk mengurus isu CLOB tanpa mengganggu bursa saham, dan mereka kini hampir mendapat penyelesaiannya.

Mengenai prestasi BSKL, Dr Zainal berkata prestasinya tidaklah buruk. Indeks Komposit telah meningkat tiga kali ganda kepada lebih 600 mata dengan penganalisis meramalkan ia boleh mencecah 750 hingga 800 menjelang akhir tahun.

Beliau berkata 800 mata adalah takat penting dan jika ia boleh dicecah tanpa perubahan besar, ia akan memberi BSKL lebih banyak masa mengusahakan perjanjian yang paling baik mengenai isu CLOB. -- BERNAMA

TCL JR